



SIARAN MEDIA

GABUNGAN INISIATIF KPWKM DAN ICU JPM TINGKAT KESEJAHTERAAN RAKYAT

ULU KINTA PERAK, 14 FEBRUARI 2026 – Kerajaan MADANI hari ini melancarkan Dasar KASIH Keluarga Negara (DKKN) dan Jelajah Sejahtera MADANI – Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) sebagai satu langkah strategik memperkukuh institusi keluarga dan meningkatkan kesejahteraan rakyat secara menyeluruh. Majlis peluncuran ini telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar bin Ibrahim di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia Sultan Azlan Shah, Ulu Kinta, Perak.

Penggabungan dua inisiatif antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM) ini mencerminkan sinergi kerajaan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan, inklusif dan berfokus kepada keperluan rakyat.

DKKN merupakan satu kerangka dasar sosial komprehensif yang mengiktiraf keluarga sebagai unit asas kestabilan sosial dan daya tahan negara khususnya dalam menghadapi cabaran perubahan sosioekonomi, peralihan demografi serta impak transformasi digital terhadap kehidupan masyarakat.

Dasar ini dibangunkan berasaskan pendekatan kitaran hayat keluarga, merangkumi keperluan individu bermula daripada fasa praperkahwinan, pembentukan keluarga, keibubapaan sehingga ke peringkat warga emas. Pendekatan ini memastikan dasar yang dirangka bersifat responsif, inklusif dan sejajar dengan realiti kehidupan rakyat masa kini.

Pelaksanaan DKKN turut disokong oleh Pelan Tindakan Keluarga Negara 2026–2030 (PTKN) yang memperincikan peranan kementerian, jabatan dan agensi kerajaan, badan bukan kerajaan, sektor swasta, ahli akademik serta masyarakat bagi memastikan dasar ini dapat dilaksanakan secara bersepadu dan berkesan.

DKKN menggariskan lima teras strategik, iaitu memartabatkan institusi perkahwinan dan kekeluargaan, memperkasakan keupayaan perancangan keluarga, meningkatkan kemampuan dan kualiti keibubapaan, menyokong pemerkasaan keluarga secara inklusif dan menambah baik pengurusan konflik keluarga. Dasar ini turut merangkumi 16 strategi, tiga mekanisme pemudah cara dan 43 tindakan bersepadu bagi memperkukuh institusi keluarga di Malaysia.

Pembangunan dasar ini mengambil kira perubahan landskap sosio-demografi negara termasuk penurunan kadar kesuburan, penuaan populasi, tekanan ekonomi, peningkatan kadar perceraian, serta cabaran perubahan iklim dan kepesatan teknologi digital yang memberi kesan langsung kepada kesejahteraan keluarga.

Seiring dengan aspirasi DKKN untuk membina keluarga yang lebih berdaya tahan dari sudut sosial dan ekonomi, pelaksanaan Jelajah Sejahtera MADANI - Skim Insurans Kesejahteraan Rakyat (SIKR) yang diselaraskan oleh ICU JPM menyediakan jaringan keselamatan sosial kepada Ketua Isi Rumah (KIR) miskin tegar dan miskin dalam Sistem eKasih yang berdepan kejadian tidak dijangka seperti kematian atau hilang upaya kekal.

Skim ini diperkenalkan sebagai sebahagian daripada usaha Kerajaan MADANI untuk memperkukuh sistem perlindungan sosial negara bagi memastikan kebajikan isi rumah miskin tegar dan miskin terus terpelihara di samping menyokong pengukuhan institusi keluarga sebagaimana yang digariskan di bawah DKKN.

Pelaksanaan SIKR bertujuan membantu keluarga menghadapi kesan kewangan akibat kejadian luar jangka, mengurangkan risiko kemiskinan akibat krisis mendadak serta memastikan kesejahteraan keluarga terus terjamin melalui penyediaan jaringan keselamatan sosial yang menyeluruh dan berimpak.

Manfaat skim ini dijangka dapat meringankan beban kewangan keluarga yang terkesan, menyumbang kepada kestabilan kehidupan isi rumah serta memperkukuh keyakinan rakyat terhadap komitmen Kerajaan MADANI dalam menjaga kebajikan dan kesejahteraan keluarga.

###

Disediakan bersama:

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat

Unit Komunikasi Korporat dan Media
Unit Pelaksanaan Penyelarasan
Jabatan Perdana Menteri